



● DATUK Musa sedang menanyakan masalah yang dihadapi oleh keluarga nelayan tersebut.

# Tak berjaya, serah saja pada swasta

KOTA TINGGI, Selasa — Kerajaan akan meminta bantuan pihak swasta jika agensinya seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) gagal meninggikan kemajuan perikanan dan menambah pendapatan nelayan, kata Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

Langkah itu akan diambil sekiranya LKIM atau agensi-agensinya kerajaan tidak dapat memenuhi hasrat kerajaan dan ini adalah selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia.

Bagaimanapun, tegasnya Datuk Musa, penyertaan pihak swasta adalah melalui penyertaan ekuiti dan bersama-sama agensi kerajaan memajukan sektor perikanan.

Pemangku Perdana Menteri berkata demikian sewaktu melawat Kompleks Perikanan Kuala Sedili, kira-kira 23 kilometer dari sini. Inilah kali ketiga beliau melawat kompleks itu sejak tahun 1980.

Bagaimanapun, Datuk Musa menyatakan, LKIM sedang bergerak cergas dalam memajukan semua aspek perikanan dan

## Oleh RAHIM LAJIS

mengambil langkah-langkah positif terutama ke arah meningkatkan pendapatan nelayan.

LKIM akan terus diberi peluang sepenuhnya untuk menyelesaikan beberapa masalah, khususnya dari segi teknikal untuk mencapai kemajuan yang diharapkan.

"Sikap kerajaan jelas, iaitu jika difikirkan pihak swasta dapat memenuhi hasrat meninggikan pendapatan nelayan, tugas swasta akan diteruskan.

## Lumayan

"Kita mengambil alih tugas swasta semata-mata untuk memberi pendapatan lumayan kepada nelayan. Tapi kalau hasrat ini tidak dapat ditasi, saya akan berusaha supaya syarikat-syarikat kerjasama nelayan, LKIM dan swasta bersatu memperbaiki keadaan di kompleks ini," ujarnya.

Pemangku Perdana Menteri berkata, sebagai wakil rakyat kawasan itu, beliau memberi tumpuan berat kepada kompleks perikanan itu kerana ia adalah kompleks contoh.

Datuk Musa belum berpuas hati dengan kemajuan di kompleks itu setakat ini kerana ia belum berjaya menghasilkan pendapatan lumayan kepada nelayan.

Bellau mengingatkan pegawai-pegawai berkenaan supaya jangan mementingkan keindahannya, pentadbiran dan keperluan alat moden. Sebaliknya mereka harus mengambil apa saja langkah yang boleh memberi faedah kepada nelayan.

Mengenal rancangan kerajaan mewartakan kawasan penempatan nelayan di Sedili Besar, Kecil dan Tanjung Sedili sebagai kawasan skim kawalan pemasaran ikan, Datuk Musa menegaskan, rancangan itu tidak akan dijalankan selagi cara lain memajukan nelayan di situ dapat diambil.

"Tidak perlu kita memaksa nelayan mendaratkan ikan di kompleks ini sedangkan mereka tidak mendapat pendapatan lumayan dan menikmati kemudahan yang diperlukan.

"Jika kita dapat menyediakan pelbagai kemudahan dan menjamin harga ikan yang tinggi, dengan sendirinya kaum nelayan akan mendaratkan ikan mereka di kompleks ini," tegasnya.